

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XXIII)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB. MUSTAFA KAMAL BIN AHMAD**

19. Nyatakan kaedah pelantikan kontraktor penyelenggaraan sisa pepejal.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

19. (a) Pelantikan kontraktor pembersihan di bawah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dibuat oleh Lembaga Perolehan atau Mesyuarat Jawatankuasa Sebutharga PBT tertakluk kepada nilai kerja tersebut. Lembaga Perolehan ditubuhkan melalui bidang kuasa di bawah peruntukkan Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Pekeliling Perbendaharaan dan dimaktubkan ke dalam Peraturan-Peraturan Tetap PBT.

Keanggotaan Lembaga Perolehan adalah seperti berikut:

- (i) Datuk Bandar - Pengerusi
- (ii) Setiausaha Bandaraya – Ahli
- (iii) Pegawai Kewangan Negeri atau wakilnya – Ahli
- (iv) Dua (2) Ahli Majlis – Ahli
- (v) Pengarah Khidmat Pengurusan atau wakilnya - Setiausaha

Pelantikan Ahli Majlis sebagai ahli Lembaga Perolehan PBT ditetapkan sebagai dasar Kerajaan Negeri pada tahun 2008.

Pelantikan kontraktor pembersihan PBT dibuat secara kontrak bagi tempoh dua (2) tahun dengan opsyen pelanjutan selama satu (1) tahun. Pelantikan kontraktor ini adalah berpandukan kepada penilaian aspek-aspek seperti berikut:

- (i) Memberikan tawaran perkhidmatan yang paling ekonomi dan paling hampir kepada nilai anggaran PBT;
- (ii) Mempunyai rekod kedudukan kewangan syarikat yang kukuh; dan
- (iii) Mempunyai pengalaman dan pihak syarikat berupaya memenuhi spesifikasi teknikal termasuk dari penyediaan jumlah tenaga kerja, kenderaan dan kelengkapan mesin sebagaimana yang ditetapkan dalam dokumen tender.